

Media item

Full Text

MRANTI percepat pengkomersialan hasil penyelidikan, teknologi, inovasi

Berita Harian, Malaysia by Nas Norziela Nasbah

01 Dec 2021

Nasional - Page 0 - 685 words - ID my0046204087 - Photo: No - Type: -

Size: 857.00cm²

MRANTI percepat pengkomersialan hasil penyelidikan, teknologi, inovasi Oleh Nas Norziela Nasbah bhnews@bh.com.my Dr Adham (dua dari kiri) pada majlis prapelancon MRANTI di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Misi seiring strategi bangunkan tenaga kerja masa depan Kuala Lumpur: Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) ditubuhkan bagi mempercepat proses pencetusan idea sehingga ke penghasilan impak melalui penciptaan, pembangunan dan pengkomersialan teknologi dan inovasi. MRANTI yang ditubuhkan melalui penggabungan dua agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) iaitu Technology Park Malaysia (TPM) dan Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) dijangka beroperasi tahun depan. Misi MRANTI juga seiring dengan strategi membangunkan tenaga kerja masa depan dan mempercepatkan penerimaan teknologi serta inovasi yang digariskan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12). Pada majlis prapelancon MRANTI baru-baru ini, Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba menjelaskan, bahawa MOSTI mengawal selia pelbagai agensi yang mampu memacu seluruh rantai nilai teknologi dalam menyampaikan fungsi penting. Katanya, ia bermula daripada peningkatan keupayaan pembangunan dan penyelidikan (R&D), pendanaan, sokongan pengkomersialan dan peningkatan akses pasaran. Seiring dengan permintaan untuk menghidupkan semula ekonomi dan memanfaatkan sains, teknologi dan inovasi (STI) bagi tujuan pemulihan, MOSTI menyusun semula agensinya untuk memastikan penyampaian yang optimum. Oleh itu, penggabungan agensi strategik di bawah MOSTI, terutamanya TPM dan MaGIC akan mewujudkan sinergi sebuah entiti tunggal yang akan meningkatkan pengkomersialan dengan menghasilkan ekosistem holistik dan dinamik. Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Dzuleira Abu Bakar, berkata MRANTI di - tubuhkan sebagai landasan tek - nologi dan inovasi untuk membantu perusahaan, penyelidik serta pencipta memaksimumkan pulangan idea pada kadar yang lebih cepat, dengan meng - optimumkan sinergi. Melalui MRANTI, pulangan daripada idea atau Return on Ideas (ROI) secara umumnya merujuk kepada pertukaran pengetahuan kepada perolehan fiskal. "Penyelesaian komersial secara berdaya maju terdiri daripada gabungan teknologi adalah penting untuk agensi memupuk ekosistem yang menggalakkan gabungan teknologi dan bukannya penyelesaian dibangunkan secara silo. "Dengan kemudahan dan ekosistem yang komprehensif, kami yakin boleh menarik pelaburan lebih tinggi, terutamanya melalui model perkongsian awamswasta," katanya. Selain itu, melalui RMK-12, MRANTI akan menyokong beberapa sasaran berkaitan R&D antaranya, 2.5 peratus perbelanjaan kasar R&D (GERD) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); 70 peratus daripada perbelanjaan R&D oleh sektor swasta (BERD) kepada GERD; kedudukan 20 teratas dalam Indeks Inovasi Global dan 500 produk/penyelesaian dikomersialkan di bawah National Innovation and Technology Sandbox Dzuleira Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif TPM MRANTI ditubuhkan sebagai landasan teknologi dan inovasi untuk membantu perusahaan, penyelidik serta pencipta memaksimumkan pulangan idea pada kadar yang lebih cepat, dengan meng optimumkan sinergi (NTIS) dan Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY). Sehubungan itu, MRANTI menawarkan program pemba - ngunan kapasiti dan bantuan untuk menembusi pasaran serta kemudahan fasiliti prototaip dan lapangan ujian langsung. Dzuleira berkata, penubuhan MRANTI selaras dengan strategi di bawah pemangkin dasar membangunkan tenaga kerja masa hadapan. Katanya, ia melalui penciptaan perancangan yang teliti merangkumi keseluruhan nilai rantai bermula dengan penyelidik, saintis, syarikat pemula sehinggalah syarikat de ngan tek - nologi berpotensi tinggi. "Sinergi ini menyatukan

antara yang terbaik daripada TPM dan MaGIC dengan TPM adalah satu-satunya penyedia perkhidmatan inkubator generasi keempat dalam Malaysia yang mempunyai inkubator fizikal serta infrastruktur teknologi."Kami sedang berada dalam proses transformasi dan kini mengkaji bidang kekuatan dan kelemahan yang dimiliki oleh ekosistem serta infrastruktur tempatan."Di bawah RMK-12, kami akan menaik taraf TPM menjadi Hab Inovasi Antarabangsa, di mana kami menyasarkan untuk memberi impak kepada 5,000 usahawan teknologi dan membangunkan 15 harta intelek pada 2022," katanya. Beberapa inisiatif sedang dijalankan untuk merealisasikan misi MRANTI, termasuk me naik taraf kejuruteraan, teknologi maklumat (IT), Bioteknologi dan infrastruktur bangunan lain TPM.Selain itu, jumlah pelaburan AS\$1 bilion (RM4.15 bilion) kecerdasan buatan (AI) juga sedang dijalankan di TPM untuk memupuk pembangunan penyelesaian AI dalam bidang penglihatan komputer, pengecaman pertuturan, bahasa semula jadi dan manusia/robot, lipatan dalam pembangunan teknologi dan bakat, pengurusan data, R&D dan ekosistem komersial.Beliau berkata, MRANTI akan mencapai sokongan holistik bagi pengkomersialan yang mana pihaknya berusaha ke arah mencapai matlamat untuk menjadi negara berteknologi seterusnya berpendapatan tinggi."Kami mengalu-alukan komuniti penyelidik, pelabur, syarikat pemula, agensi penyelidikan dan pembangunan, serta syarikat korporat yang memerlukan sokongan untuk membawa hasil penyelidikan dan inovasi mereka ke pasaran agar menghubungkan MRANTI," katanya. Penubuhan MRANTI selaras strategi di bawah pemangkin dasar membangunkan tenaga kerja masa hadapan dan mempercepat penerimgunaan teknologi dan inovasi.

Licensed by Copyright Agency. You may only copy or communicate this work with a licence.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.